

TEKS SYARAHAN (EXECUTIVE TALK)
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

**“MEMPERKASA KOPERASI SISWA MELALUI SINERGI
AKADEMIA DAN INDUSTRI”**

23 OGOS 2026 (AHAD)

10.00 PAGI

DEWAN INASIS ANGKASA, UUM
SINTOK, KEDAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Salam Malaysia MADANI.

Salam Koperasi.

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا
محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

SALUTASI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari yang penuh bermakna ini dalam sebuah wadah perkongsian ilmu, pemikiran dan pengalaman berkaitan satu agenda yang amat penting kepada masa depan negara, iaitu memperkasakan koperasi siswa melalui sinergi antara akademik dan industri.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak universiti atas kesudian menjemput saya untuk berkongsi pandangan mengenai peranan koperasi siswa dalam membentuk generasi baharu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai keupayaan memimpin serta mencipta nilai ekonomi kepada masyarakat.
3. Saya melihat program ini sebagai satu ruang untuk kita menilai semula bagaimana institusi pengajian tinggi boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara. Ia juga menjadi medan untuk kita membincangkan bagaimana gerakan koperasi boleh menjadi jambatan yang menghubungkan ilmu akademik dengan realiti industri.

4. Namun begitu, sebelum kita membincangkan bagaimana sinergi antara akademik dan industri ini dapat diperkasakan, izinkan saya mengajak kita melihat terlebih dahulu kepada beberapa persoalan yang sedang kita hadapi.
5. Apakah yang sebenarnya berlaku apabila seorang mahasiswa menamatkan pengajian? Adakah kita hanya mahu mereka keluar dengan segulung ijazah dan kemudiannya mencari pekerjaan? Atau kita mahu mereka keluar sebagai individu yang mampu mencipta pekerjaan, membina perniagaan, menyelesaikan masalah dan memberi nilai tambah kepada masyarakat?
6. Persoalan ini menjadi semakin penting apabila kita melihat perubahan landskap pekerjaan hari ini. Walaupun kadar pengangguran negara berada pada tahap yang semakin baik, kadar pengangguran golongan muda masih lebih tinggi berbanding kadar nasional. Data Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran nasional pada Mei 2026 ialah 3.0 peratus, manakala bagi golongan berumur 15 hingga 24 tahun berada pada sekitar 6.3 peratus.
7. Baru – baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ketika ini terdapat kira-kira 78,000 lepasan universiti yang belum mendapat pekerjaan

atau bekerja dalam bidang yang tidak setara dengan kelayakan pendidikan mereka. Atas sebab itulah, Kementerian Pendidikan Tinggi memberikan penekanan yang lebih besar kepada agenda keusahawanan dalam pendidikan tinggi. Pada Mei 2026, KPT melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2026–2030 dengan sasaran untuk melahirkan usahawan graduan bertaraf global.

8. Pada 13 Julai 2026, Kementerian Pendidikan Tinggi turut menggerakkan tindakan susulan terhadap keputusan Majlis Pendidikan Negara yang antara fokus utamanya adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penyesuaian kurikulum dengan keperluan industri serta perubahan pasaran pekerjaan
9. Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, baru-baru ini menegaskan bahawa universiti perlu melahirkan graduan yang bukan sahaja mudah mendapat pekerjaan, tetapi juga mampu mencipta peluang, memacu inovasi dan membentuk masa depan negara.
10. Cabaran kita, oleh itu, bukan semata-mata menyediakan lebih banyak pekerjaan. Cabarannya juga ialah memastikan anak-anak muda kita mempunyai kemahiran, pengalaman, pemikiran keusahawanan dan

keberanian untuk memasuki dunia pekerjaan serta dunia perniagaan yang sentiasa berubah.

11. Maka, saya melihat sekurang-kurangnya beberapa cabaran yang perlu kita tangani:

- Pertama, jurang antara pendidikan dengan keperluan sebenar industri. Apa yang dipelajari di dalam bilik kuliah perlu diterjemahkan kepada keupayaan menyelesaikan masalah sebenar di tempat kerja.
- Kedua, kekurangan pendedahan kepada dunia keusahawanan dan perniagaan sebenar. Kita boleh mengajar teori pemasaran, kewangan dan pengurusan, tetapi mahasiswa juga perlu merasai sendiri bagaimana mengurus pelanggan, mengurus modal, membuat keputusan, mengurus risiko dan memastikan sesuatu perniagaan itu mampu bertahan.
- Ketiga, budaya graduan sebagai pencari pekerjaan masih perlu diimbangi dengan budaya pencipta pekerjaan. Tidak semua mahasiswa perlu menjadi usahawan, tetapi setiap mahasiswa perlu mempunyai minda bahawa mereka juga mampu mencipta nilai dan peluang kepada orang lain.

- Keempat, kemahiran kepimpinan, komunikasi dan kerja berpasukan. Kemahiran ini tidak cukup dipelajari melalui teori. Ia perlu dibentuk melalui pengalaman, tanggungjawab dan situasi sebenar.

- Kelima, hubungan antara universiti dengan industri yang perlu diperkukuh secara lebih berterusan. Industri mempunyai pengalaman, kepakaran, teknologi dan pasaran. Universiti pula mempunyai ilmu, penyelidikan dan bakat muda. Persoalannya ialah bagaimana kedua-dua kekuatan ini dapat digabungkan dalam satu ekosistem yang memberi manfaat kepada mahasiswa.

12. Dan di sinilah saya melihat koperasi siswa mempunyai peranan yang amat besar. Koperasi siswa tidak seharusnya dilihat sekadar sebagai sebuah organisasi yang mengurus kedai, perkhidmatan atau aktiviti ekonomi di dalam kampus. Sebaliknya, koperasi siswa boleh menjadi makmal keusahawanan mahasiswa.

13. Di sinilah mahasiswa boleh belajar mengurus organisasi. Di sinilah mereka belajar mengurus kewangan, pemasaran, sumber manusia dan operasi. Di sinilah mereka belajar membuat keputusan secara demokratik, bekerja dalam pasukan, berunding, menyelesaikan konflik dan bertanggungjawab terhadap keputusan

yang dibuat. Lebih penting lagi, mereka belajar melalui pengalaman sebenar.

14. Sebab itu saya percaya, koperasi siswa boleh menjadi jambatan yang menghubungkan tiga dunia yang selama ini perlu kita dekatkan yakni ilmu, industri dan pengalaman sebenar. Daripada situlah lahirnya graduan yang bukan sahaja tahu tentang perniagaan, tetapi pernah menjalankan perniagaan; bukan sahaja tahu tentang kepimpinan, tetapi pernah memimpin; bukan sahaja tahu tentang kerja berpasukan, tetapi pernah bekerja bersama untuk mencapai sesuatu matlamat.
15. Justeru, apabila kita bercakap tentang memperkasakan koperasi siswa, kita sebenarnya tidak hanya bercakap tentang koperasi. Kita sedang bercakap tentang membina manusia. Kita sedang membina generasi yang lebih berani mengambil peluang, lebih bersedia menghadapi perubahan dan lebih yakin bahawa mereka bukan sekadar pengguna kepada ekonomi, tetapi juga mampu menjadi pencipta nilai dalam ekonomi.
16. Dan untuk mencapai matlamat itu, koperasi siswa tidak boleh bergerak bersendirian.
 - Universiti tidak boleh bergerak bersendirian.
 - Industri tidak boleh bergerak bersendirian.

- Kerajaan juga tidak boleh bergerak bersendirian.
 - Kita memerlukan sebuah ekosistem yang menghubungkan kesemuanya
-

GERAKAN KOPERASI MALAYSIA: KEKUATAN EKONOMI YANG PERLU DITERUSKAN OLEH GENERASI BAHARU

Hadirin yang saya hormati,

17. Sebelum kita melihat lebih jauh tentang peranan koperasi siswa, izinkan saya berkongsi sedikit gambaran mengenai kekuatan gerakan koperasi negara.
18. Kadangkala apabila kita menyebut perkataan koperasi, masih terdapat persepsi bahawa koperasi hanyalah sebuah organisasi kecil yang menjalankan aktiviti perniagaan berskala terhad.

Persepsi ini perlu kita ubah.

19. Hakikatnya, koperasi pada hari ini telah berkembang menjadi salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara. Koperasi bukan sahaja bergerak dalam sektor tradisional seperti kredit dan pengguna.

20. Koperasi kini terlibat dalam pelbagai bidang strategik termasuk kewangan, pertanian, perumahan, pelancongan, penjagaan kesihatan, sektor berkaitan, teknologi digital dan pelbagai sektor ekonomi baharu.
21. Menurut statistik rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga 31 Disember 2025, gerakan koperasi Malaysia mencatatkan sebanyak 16,468 buah koperasi berdaftar di seluruh negara.
22. Gerakan ini turut menghimpunkan seramai 7.3 juta anggota, dengan jumlah syer dan yuran sebanyak RM18.64 bilion, aset bernilai RM186.75 bilion, serta mencatatkan jumlah perolehan tahunan sebanyak RM81.62 bilion.

Angka ini bukan sekadar statistik.

Angka ini menggambarkan satu kekuatan ekonomi yang dibina melalui semangat kerjasama rakyat Malaysia.

23. Lebih penting, angka ini menunjukkan bahawa koperasi mempunyai kapasiti untuk menjadi pemain ekonomi yang berdaya saing sekiranya diuruskan secara profesional, berintegriti dan berpandangan jauh.
24. Namun, di sebalik kejayaan yang dicapai hari ini, terdapat satu persoalan yang sangat penting.

25. Siapakah yang akan meneruskan kepemimpinan gerakan koperasi ini pada masa hadapan?

Siapakah yang akan membawa koperasi memasuki era ekonomi digital?

Siapakah yang akan menghubungkan koperasi dengan teknologi, inovasi dan industri?

Jawapannya ialah generasi muda yang sedang berada di institusi pengajian tinggi pada hari ini.

26. Sebab itu, apabila kita bercakap tentang angka 16,468 koperasi dan 7.3 juta anggota, kita sebenarnya sedang bercakap tentang sebuah amanah yang perlu diwariskan. Nilai aset dan perolehan yang besar tidak akan membawa makna sekiranya kita gagal menyediakan generasi yang mampu memimpin gerakan ini dengan ilmu, integriti dan keberanian untuk berubah. Kelangsungan gerakan koperasi bukan hanya soal mengekalkan apa yang telah ada. Ia soal memastikan generasi seterusnya mampu membawa gerakan ini ke tahap yang lebih tinggi.

KOPERASI SISWA SEBAGAI SALURAN MELAHIRKAN PEMIMPIN KOPERASI MASA HADAPAN

Hadirin yang saya hormati,

27. Atas kesedaran inilah ANGKASA memberikan perhatian yang besar terhadap pembangunan koperasi siswa. Kita tidak melihat koperasi siswa hanya sebagai sebuah organisasi kecil dalam lingkungan kampus.

28. Kita melihat koperasi siswa sebagai tapak semaian atau nursery kepada pemimpin koperasi masa hadapan. Di sinilah mahasiswa mula memahami bahawa ekonomi bukan hanya tentang persaingan.

Ekonomi juga tentang kerjasama.

29. Saya mahu mahasiswa memahami bahawa koperasi bukan jalan pintas untuk berniaga. Koperasi juga bukan sekadar satu struktur organisasi. Ia menuntut disiplin, ketelusan, kesediaan mendengar pandangan anggota dan keupayaan mempertanggungjawabkan keputusan.

30. Apabila mahasiswa melalui proses ini sejak di universiti, mereka sedang membina kebiasaan yang akan dibawa ke alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat. Mereka belajar bahawa sesuatu keputusan yang baik bukan hanya keputusan yang menghasilkan keuntungan, tetapi keputusan

yang boleh dipertahankan dari sudut amanah dan manfaat kepada anggota.

31. Mahasiswa perlu faham dalam dunia yang semakin kompleks, masalah besar tidak boleh diselesaikan secara bersendirian.

Kita memerlukan jaringan.

Kita memerlukan kolaborasi.

Kita memerlukan kepercayaan.

Dan semua nilai ini merupakan asas kepada gerakan koperasi.

SINERGI AKADEMIA DAN ANGKASA: MEMBINA EKOSISTEM ILMU DAN INOVASI

Hadirin yang saya hormati,

32. Seperti yang telah saya ulas, pembangunan koperasi siswa tidak boleh dilaksanakan secara bersendirian.

Ia memerlukan kekuatan akademik.

Ia memerlukan sokongan industri.

Ia memerlukan jaringan strategik yang kukuh.

Atas prinsip inilah ANGKASA sentiasa memperkukuh hubungan dengan institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

33. ANGKASA percaya bahawa universiti merupakan rakan strategik dalam membangunkan masa depan gerakan koperasi.
34. Sehingga kini, ANGKASA telah menjalinkan kerjasama strategik dengan **10 institusi pengajian tinggi** iaitu:
Universiti Malaysia Kelantan (UMK);
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
International Islamic University Malaysia (UIAM);
Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM);
Universiti Utara Malaysia (UUM);
National Defence University of Malaysia (UPNM);
Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM);
Universiti MAIWP International (UniMAIWP);
dan Universiti Malaya (UM).
35. Di samping itu, ANGKASA juga sedang dalam proses memperkukuh kerjasama strategik dengan beberapa institusi pengajian tinggi lain termasuk:
Universiti Sains Malaysia (USM);
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);

**Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
Universiti Malaysia Sabah (UMS).**

36. Kerjasama ini membuktikan bahawa ANGKASA melihat akademia sebagai rakan strategik dalam memperkukuh pembangunan gerakan koperasi. Kerjasama ini diterjemahkan melalui penyelidikan, inovasi, pembangunan modal insan dan pembinaan kepimpinan generasi baharu.
37. Kita mahu hubungan ini menghasilkan lebih daripada program dan dokumen kerjasama. Kita mahu ia menghasilkan manusia, idea dan penyelesaian. Setiap kerjasama dengan universiti perlu membuka ruang supaya penyelidikan dapat membantu menyelesaikan cabaran koperasi, mahasiswa mendapat pengalaman yang lebih dekat dengan realiti ekonomi, dan koperasi memperoleh akses kepada bakat serta pemikiran baharu. Dengan cara itu, sinergi akademia dan gerakan koperasi benar-benar memberi nilai kepada kedua-dua pihak.

**HASIL KOLABORASI ANGKASA-UMK: DARIPADA
PENYELIDIKAN KEPADA IMPAK EKONOMI**

Hadirin yang saya hormati,

38. Izinkan saya berkongsi beberapa contoh kejayaan hasil kerjasama strategik antara ANGKASA dan institusi pengajian tinggi.
39. Salah satu contoh yang signifikan ialah kerjasama antara ANGKASA dan Universiti Malaysia Kelantan melalui penubuhan **ANGKASA-UMK Research Academy (AURA)**.
40. AURA telah berjaya memperoleh pengiktirafan sebagai **Pusat Kecemerlangan pada 21 Januari 2025**.
41. Pengiktirafan ini merupakan satu pencapaian penting kerana ia membuktikan bahawa kerjasama antara akademik dan industri koperasi mampu menghasilkan institusi penyelidikan yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi negara.
42. Ia menjadi platform untuk membangunkan ilmu, menghasilkan inovasi dan mencari penyelesaian yang boleh diaplikasikan oleh gerakan koperasi.
43. Hasil daripada pengiktirafan tersebut, AURA telah berjaya memperoleh geran berjumlah **RM350,000** bagi melaksanakan dua

program utama yang memberi impak kepada pembangunan gerakan koperasi.

44. Geran tersebut dimanfaatkan bagi melaksanakan program penempatan latihan industri serta pembangunan kapasiti.
45. Lebih membanggakan, hasil daripada program tersebut telah menyumbang kepada penubuhan **dua buah koperasi baharu**.
46. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan tidak seharusnya hanya berhenti di perpustakaan atau jurnal akademik.
47. Penyelidikan yang berjaya ialah penyelidikan yang mampu diterjemahkan kepada perubahan sebenar dalam masyarakat.
48. Inilah arah yang perlu kita kukuhkan. Kita mahu lebih banyak persoalan sebenar daripada gerakan koperasi dibawa ke ruang penyelidikan. Pada masa yang sama, hasil penyelidikan perlu dibawa kembali kepada koperasi dalam bentuk yang boleh digunakan. Apabila hubungan ini berlaku, universiti tidak terpisah daripada

realiti masyarakat dan koperasi pula tidak terpisah daripada perkembangan ilmu. Mahasiswa turut mendapat manfaat kerana mereka melihat sendiri bagaimana sesuatu kajian boleh bergerak daripada persoalan, kepada analisis, kepada penyelesaian dan akhirnya kepada impak. Itulah pengalaman pendidikan yang mempunyai nilai yang jauh lebih mendalam.

AKADEMIA SEBAGAI RAKAN PEMIKIRAN STRATEGIK GERAKAN KOPERASI

Hadirin yang saya hormati,

49. Kejayaan kerjasama antara ANGKASA dan Universiti Malaysia Kelantan melalui ANGKASA-UMK Research Academy (AURA) membuktikan satu perkara penting. Apabila ilmu akademik digabungkan dengan pengalaman industri, kita mampu menghasilkan penyelesaian yang lebih menyeluruh dan memberi impak yang lebih besar.
50. Gerakan koperasi tidak boleh berkembang hanya berdasarkan

pengalaman masa lalu. Gerakan koperasi perlu diperkukuhkan dengan penyelidikan, data, inovasi dan pemikiran baharu.

51. Dunia hari ini bergerak berasaskan pengetahuan. Organisasi yang berjaya bukan hanya organisasi yang mempunyai modal kewangan. Organisasi yang berjaya ialah organisasi yang mempunyai modal ilmu.

52. Sebab itu hubungan antara ANGKASA dan institusi pengajian tinggi sangat penting.

Universiti menyediakan kepakaran.

Akademia menyediakan analisis dan penyelidikan.

Industri menyediakan pengalaman pasaran.

53. Koperasi pula menyediakan ruang untuk ilmu tersebut diterjemahkan kepada manfaat masyarakat. Inilah konsep sebenar sinergi akademik dan industri yang ingin kita bina.

KERJASAMA ANGKASA-UKM: MEMBENTUK DASAR MELALUI ILMU

Hadirin yang saya hormati,

54. Selain kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan modal insan, ANGKASA turut melihat institusi akademik sebagai rakan strategik dalam membentuk pemikiran dan hala tuju pembangunan gerakan koperasi negara.
55. Salah satu contoh ialah kerjasama strategik antara ANGKASA dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS/MINDA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
56. Melalui kerjasama ini, MINDA-UKM telah memainkan peranan penting sebagai penyedia resolusi bagi **Konvensyen Konsultansi Belanjawan**.
57. Resolusi yang dihasilkan menjadi input penting dalam menyampaikan pandangan, cadangan dan syor daripada gerakan koperasi kepada pihak kerajaan.
58. Ini merupakan satu contoh bagaimana akademia boleh menjadi jambatan antara ilmu, masyarakat dan pembuat dasar. Pembangunan negara yang mampan memerlukan dasar yang bukan sahaja baik di atas kertas, tetapi

berdasarkan penelitian, data dan pemahaman terhadap realiti sebenar.

59. Saya percaya, apabila suara akademik dan suara gerakan koperasi digabungkan, kita mampu menghasilkan cadangan yang lebih kukuh untuk memperkasakan sektor koperasi negara.

KERJASAMA ANGKASA-UUM: MEMBANGUNKAN KEPIMPINAN DAN INOVASI KOPERASI

Hadirin yang saya hormati,

60. Satu lagi contoh kerjasama strategik yang memberikan impak besar ialah hubungan antara ANGKASA dan Universiti Utara Malaysia melalui Cooperative and Entrepreneurship Development Institute (CEDI).
61. Kerjasama ini memberi fokus kepada pembangunan kepimpinan, penyelidikan dan inovasi dalam gerakan koperasi. Antara program berimpak tinggi yang

telah dilaksanakan ialah **Cooperative Leadership Programme (CLP)**.

62. Program ini diwujudkan bagi memperkukuh kompetensi pemimpin, pengurus dan warga gerakan koperasi melalui pendedahan kepada ilmu pengurusan moden, kepimpinan strategik serta amalan terbaik.
63. Selain itu, kerjasama ini turut melahirkan penganjuran **Kolokium Inovasi Penyelidikan Kecemerlangan Koperasi**. Kolokium seperti ini amat penting kerana ia membuka ruang kepada perkongsian hasil penyelidikan, idea baharu dan inovasi yang boleh membantu koperasi menghadapi cabaran masa hadapan.

Kita mahu melihat gerakan koperasi yang sentiasa belajar.

Kita mahu melihat koperasi yang berani mencuba.

Kita mahu melihat koperasi yang tidak takut berubah.

Kerana organisasi yang berhenti belajar adalah organisasi yang akan berhenti berkembang.

64. UUM mempunyai tradisi yang kuat dalam bidang pengurusan, kepimpinan dan keusahawanan. Dalam konteks syarahan kita hari ini, kekuatan itu memberikan ruang yang sangat besar untuk memperluas lagi pembelajaran koperasi.

SLiCE: MELAHIRKAN PEMIMPIN MUDA KOPERASI

Hadirin yang saya hormati,

65. Dalam usaha memastikan pembangunan koperasi siswa terus diperkasakan, ANGKASA turut memperkenalkan dan memperluaskan penyertaan dalam program **Student Leadership in Cooperative Enterprise (SLiCE)**.
66. Semua institusi pengajian tinggi yang menjalinkan kerjasama strategik dengan ANGKASA dijemput untuk menyertai program ini.
67. Melalui SLiCE, mahasiswa diberikan kefahaman mengenai:
- **konsep dan prinsip koperasi;**
 - **pengurusan organisasi;**
 - **kepimpinan;**
 - **keusahawanan;**
 - **pembangunan perniagaan;**

- **tadbir urus koperasi.**

68. SLiCE menjadi medan untuk membentuk bakal pemimpin muda yang memahami bahawa kejayaan ekonomi perlu bergerak seiring dengan tanggungjawab sosial.

Inilah generasi yang kita perlukan.

Generasi yang mempunyai ilmu.

Generasi yang mempunyai kemahiran.

Generasi yang mempunyai nilai.

MODEL TRIPLE HELIX: AKADEMIA, INDUSTRI DAN KERAJAAN SEBAGAI PEMACU EKOSISTEM KOPERASI SISWA

Hadirin yang saya hormati,

69. Apabila kita berbicara tentang masa depan koperasi siswa, kita sebenarnya sedang berbicara tentang pembinaan sebuah ekosistem. Sebuah ekosistem yang tidak boleh bergantung kepada satu pihak sahaja.
70. Dalam pembangunan ekonomi moden, terdapat satu konsep yang sering diketengahkan oleh para sarjana iaitu **Model Triple Helix** yang menghubungkan

tiga komponen utama yaitu akademika, industri dan kerajaan.

71. Konsep ini yang diperkenalkan oleh Henry Etzkowitz dan Loet Leydesdorff menekankan bahawa inovasi dan pembangunan ekonomi akan menjadi lebih kukuh apabila universiti, industri dan kerajaan bergerak secara bersama.
72. Model ini juga mengingatkan kita bahawa setiap pihak mempunyai kekuatan yang berbeza. Universiti tidak perlu menjadi industri. Industri tidak perlu mengambil alih peranan universiti. Kerajaan pula tidak perlu melaksanakan semuanya sendiri. Yang diperlukan ialah penyelarasan kekuatan. Apabila setiap pihak memahami peranan masing-masing dan bergerak menuju matlamat yang sama, mahasiswa mendapat sebuah ekosistem pembelajaran yang lebih lengkap. Mereka memperoleh ilmu, pendedahan, bimbingan, jaringan dan ruang untuk menguji kemampuan. Koperasi siswa boleh menjadi titik pertemuan kepada semua kekuatan tersebut.

PERANAN ANGKASA DALAM MEMBINA GENERASI KOPERASI MASA HADAPAN

Hadirin yang saya hormati,

73. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara, ANGKASA mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan gerakan koperasi terus berkembang dan mempunyai kepimpinan yang berkualiti.

ANGKASA bukan sekadar mewakili koperasi.

ANGKASA juga berperanan membangunkan ekosistem.

Ekosistem yang menghubungkan koperasi dengan kerajaan.

Ekosistem yang menghubungkan koperasi dengan industri.

Ekosistem yang menghubungkan koperasi dengan institusi ilmu.

74. Atas dasar inilah ANGKASA sentiasa memperkukuh program pembangunan modal insan dan jaringan strategik bersama institusi pengajian tinggi. Kita percaya bahawa masa depan gerakan koperasi bergantung kepada kemampuan kita membina generasi pemimpin baharu.

Pemimpin yang memahami nilai koperasi.

Pemimpin yang memahami teknologi.

Pemimpin yang memahami ekonomi.

Pemimpin yang mampu membawa koperasi bersaing dalam dunia yang semakin kompleks.

PESAN50: MEMBINA KOPERASI MASA HADAPAN

Hadirin yang saya hormati,

75. Selaras dengan aspirasi **Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50)**, ANGKASA memberi fokus kepada usaha memperkukuh daya tahan dan daya saing gerakan koperasi negara.
76. Antara fokus utama PESAN50 ialah pembangunan modal insan, transformasi digital, pengukuhan perniagaan, inovasi dan jaringan strategik. Semua elemen ini mempunyai kaitan langsung dengan pembangunan koperasi siswa.
77. Koperasi siswa merupakan titik permulaan kepada pembentukan pemimpin koperasi masa hadapan. Jika hari ini kita membimbing mahasiswa mengurus koperasi dengan baik,

78. 10 atau 20 tahun akan datang kita akan melihat mereka menjadi:

pengerusi koperasi;

pengurus profesional;

usahawan berjaya;

pemimpin ekonomi masyarakat.

Inilah pelaburan sebenar yang perlu kita lakukan.

79. Apabila kita membangunkan mahasiswa hari ini, pulangnya mungkin tidak dapat dilihat serta-merta. Tetapi kesannya boleh bertahan berdekad-dekad. Seorang mahasiswa yang belajar memimpin dengan betul hari ini mungkin suatu hari nanti memimpin sebuah koperasi, organisasi, syarikat atau institusi yang memberi manfaat kepada ribuan orang. Sebab itu pembangunan koperasi siswa bukan agenda kecil. Ia adalah sebahagian daripada proses membina bakat kepimpinan ekonomi negara.

Kita tidak hanya membangunkan organisasi.

Kita membangunkan manusia.

80. Dan apabila kita membangunkan manusia, kita sebenarnya sedang

membangunkan masa depan gerakan. Bangunan boleh dibina dalam beberapa tahun. Sistem boleh dibeli. Teknologi boleh dinaik taraf. Tetapi membentuk pemimpin memerlukan masa. Ia memerlukan pengalaman, bimbingan, peluang dan kepercayaan. Oleh sebab itu, koperasi siswa perlu dilihat sebagai sebahagian daripada rangkaian pembangunan kepimpinan. Di sinilah kita mula mengenal pasti mahasiswa yang mempunyai minat, memberi mereka ruang memimpin, membimbing mereka memahami nilai koperasi dan seterusnya menghubungkan mereka dengan ekosistem gerakan yang lebih luas.

LIMA AMANAT KEPADA MAHASISWA

Hadirin yang saya hormati,

81. Sebelum saya mengakhiri syarahan ini, izinkan saya berkongsi lima amanat kepada mahasiswa yang hadir pada hari ini.

AMANAT PERTAMA

Jadilah Pelajar Sepanjang Hayat

82. Dunia hari ini berubah terlalu pantas. Ilmu yang kita miliki hari ini mungkin tidak lagi mencukupi untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Oleh itu, jangan pernah berhenti belajar.

Belajarliah daripada buku.

Belajarliah daripada pensyarah.

Belajarliah daripada pengalaman.

Belajarliah daripada kegagalan.

Kerana manusia yang berhenti belajar akan berhenti berkembang.

AMANAT KEDUA

Jangan Hanya Mencari Pekerjaan, Ciptalah Peluang

83. Saudara dan saudari adalah generasi masa hadapan. Jangan melihat diri sebagai pencari kerja semata-mata.

Jadilah pencipta pekerjaan.

Jadilah usahawan.

Jadilah inovator.

Jadilah individu yang mampu memberi manfaat kepada orang lain.

AMANAT KETIGA

Fahami Nilai Kerjasama

84. Dunia masa depan bukan dunia individu yang bergerak bersendirian.

Dunia masa depan ialah dunia jaringan.

Dunia masa depan ialah dunia kolaborasi.

Koperasi mengajar kita bahawa kejayaan yang dikongsi bersama akan menjadi lebih kukuh dan lebih bermakna.

AMANAT KEEMPAT

Pelihara Integriti

85. Ilmu boleh diperoleh.

Kemahiran boleh dipelajari.

Tetapi kepercayaan hanya boleh dibina melalui integriti.

Jadilah pemimpin yang amanah.

Jadilah profesional yang mempunyai prinsip.

Kerana reputasi adalah aset paling berharga dalam kehidupan.

AMANAT KELIMA

Tinggalkan Legasi

86. Pada akhirnya, kejayaan seseorang bukan hanya diukur melalui apa yang

dimiliki, tetapi melalui manfaat yang ditinggalkan.

87. Tanya diri kita:

"Apakah nilai yang saya cipta?"

"Apakah perubahan yang saya bawa?"

"Apakah manfaat yang saya tinggalkan kepada masyarakat?"

Itulah ukuran sebenar sebuah kejayaan.

88. Saya ingin mahasiswa membawa lima amanat ini bukan hanya selepas tamat syarahan ini, tetapi sepanjang perjalanan hidup saudara dan saudari. Setiap kali diberi peluang memimpin, tanyalah sama ada kepimpinan kita membina orang lain. Setiap kali diberi peluang berniaga, tanyalah sama ada perniagaan kita mencipta manfaat. Dan setiap kali kita mencapai kejayaan, tanyalah sama ada kejayaan itu hanya berhenti pada diri sendiri atau turut membuka ruang kepada orang lain.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

89. Hari ini kita telah berbicara mengenai satu perkara yang sangat penting. Masa depan koperasi tidak hanya bergantung kepada organisasi yang kita bina. Tetapi bergantung kepada manusia yang kita lahirkan. Dan manusia itu sedang berada di universiti.

Mereka ialah mahasiswa hari ini.

Mereka ialah pemimpin koperasi esok.

Mereka ialah pencipta ekonomi masa hadapan.

90. Saya percaya, dengan sinergi antara akademik, industri dan koperasi, kita mampu membina sebuah ekosistem yang lebih kukuh. Kita mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi mampu mencipta nilai.
91. Kita mampu melahirkan pemimpin yang bukan sahaja mengejar kejayaan peribadi, tetapi membawa manfaat kepada masyarakat.
92. Koperasi ialah sebuah gerakan yang membina manusia. Koperasi ialah sebuah gerakan yang menghubungkan ilmu dengan tindakan. Koperasi ialah sebuah gerakan yang membuktikan bahawa

apabila kita bekerjasama, kita mampu mencapai sesuatu yang lebih besar.

93. Apabila suatu hari nanti saudara berdiri sebagai CEO...
sebagai Naib Canselor...
sebagai Menteri...
sebagai usahawan...

jangan lupa bahawa kepimpinan pertama saudara mungkin bermula daripada sebuah **Koperasi Siswa**.

Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.